

# PM: Kebebasan ada tanggungjawabnya

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan kaum wartawan dan penulis tempatan tentang kesan negatif kepada negara, termasuk ancaman ke atas keselamatan, jika kebebasan seperti yang dimengertikan oleh penulis-penulis Barat digunakan sebagai ukuran atau diamalkan.

Berucap merasmikan pelancaran *Zamalah Sastera Berita Harian*, di sini malam ini, Perdana Menteri berkata, sebagai anggota dalam masyarakat, golongan penulis tidak terlepas daripada tanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara.

Menurutnya, kebebasan atau batas kebebasan menjadi lebih penting bagi penulis-penulis Malaysia kerana mereka bertugas dalam suasana dan persekitaran yang agak luar biasa iaitu negara yang berbilang bangsa, agama dan adat resam.

"Begitu juga taraf sosial dan ekonomi masyarakat pula tidak sama dan di samping itu masyarakat dan negara kita terdedah kepada ancaman luar yang menunggu untuk mengeksploitasi kelemahan-kelemahan yang ada pada kita.

Perdana Menteri kesal adanya segolongan kecil penulis tempatan yang tidak dapat menerima hakikat sebenar.

## Memahami

"Mereka terus menghayati konsep kebebasan seperti yang dimengertikan oleh penulis-penulis Barat sekalipun mereka tahu akan padahnya jika kebebasan seperti itu diamalkan di dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama seperti di negara ini," ujarnya.

Beliau berkata, oleh kerana para penulis diberi kepercayaan mengamalkan kebebasan secara terbuka, adalah menjadi tanggungjawab setiap penulis bukan sahaja memahami had dan batasan kebebasan itu tetapi juga melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan yang itu supaya kebebasan itu dapat diamalkan dengan bijaksana.

Sebelum penulis mengkritik dan membuat ulasan mengenai sesuatu perkara, ia haruslah mendalam dan melengkapkan diri dengan sebanyak-banyak maklumat dan butir mengenai perkara itu.

"Kamen-komen celek dan tidak terperinci bukan sahaja mengelirukan pembaca, tetapi menyulitkan usaha kerajaan atau mana-mana juga pihak yang berkenaan untuk menyelesaikannya," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, setiap kebebasan ada tanggungjawabnya. "Setiap orang yang menuntut hak kebebasannya mesti sanggup bersikap bertanggungjawab apabila kebebasan itu diberikan kepadanya."

Bagi penulis, ujarnya, kebebasan adalah senjata.

"Ia boleh digunakan dengan berfaedah oleh orang-orang yang bertanggungjawab atau dengan cara yang merugikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab," tambahnya.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa menganggap golongan penulis sebagai rakan karib dalam pentadbiran dan pembangunan negara.

"Saya sendiri sentiasa mengalu-alukan kritikan yang membina serta maklum balas yang diberikan oleh para penulis, sama ada ia seorang sasterawan atau wartawan," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir Muka 20, Ruang 6

Bahan asal dari Akhbar  
Negara Malaysia